

## **Yahudi, Zionis dan Israel: Kaitannya dengan Masyarakat Islam**

*Ahmad Munawar bin Ismail<sup>1</sup>, Norsaleha Mohd.Salleh<sup>2</sup>, Noorhafizah Mohd. Haridi<sup>2</sup>,  
Zainora Daud<sup>2</sup>*

*Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>1</sup>, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor<sup>2</sup>  
munawar@ukm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Konflik yang berlaku di Palestin di antara Arab dan Israel telah berlarutan sejak sekian lama. Jika dikira dari tarikh rasmi penubuhan negara Israel pada 15 May 1948, kita akan dapati bahawa konflik tersebut sudah berlangsung selama hampir 66 tahun. Manakala jika dikaji dari aspek sejarah Palestin moden, negara Palestin sebenarnya telah jatuh ke tangan pihak British semenjak tahun 1917 lagi. Peristiwa ini berlaku ketika pentadbiran kerajaan Turki Uthmaniyyah telah dikalahkan oleh tentera British di bawah pimpinan General Allenby. Selepas kira-kira 3 tahun, pihak League of Nations (Liga Bangsa-bangsa) atau sekarang United Nations (pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) telah memberi mandat kepada pihak British untuk mentadbir Palestin. Ketika itu, Palestin secara rasmi diletakkan di bawah pentadbiran pihak British (British Mandate). Dalam hal ini, para sarjana hampir sepakat mengatakan bahawa tanda-tanda kejatuhan Palestin itu sudah bermula sejak akhir abad ke 19 Masihi disebabkan oleh kelemahan pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Ia turut ditambah dengan kewujudan agenda Zionis selepas Pertubuhan Zionis Dunia (World Zionist Organization) ditubuhkan dengan rasmi pada tahun 1897. Menurut mereka, peristiwa ini adalah sebahagian dari usaha pihak Zionis untuk menyelamatkan golongan Yahudi yang ditindas di Eropah, lebih-lebih lagi di Eropah Timur. Usaha golongan Yahudi ini didalangi oleh Pertubuhan Zionis, iaitu satu kumpulan yang ditubuhkan pada asalnya untuk membela golongan Yahudi. Artikel ini akan memberi tumpuan kepada mengenal pasti kefahaman masyarakat Islam di Malaysia mengenai hubungan dan peranan Yahudi, Zionis dan Israel di sebalik konflik yang berlaku antara Arab dan Israel di Palestin. Kefahaman mengenai hal ini penting dalam usaha masyarakat Islam di Malaysia membangunkan mekanisme tertentu dalam menangani isu-isu yang berbangkit di sebalik konflik yang berlaku.

Kata Kunci: Konflik, Palestine, Yahudi, Israel, Asia Barat.

### **PENDAHULUAN**

Secara umum, menceritakan sejarah lampau hubungan Israel-Palestin adalah sama rumitnya dengan mengesan sejarah Yahudi itu sendiri. Namun usaha ini penting dilakukan untuk melihat sejauh mana konflik tersebut diwarnai oleh warna politik dan teologi. Bahkan, seperti yang dituliskan Ralph Schoenman, ketika seseorang berusaha untuk menguji asal usul, sejarah dan dinamik Zionisme (istilah lain yang biasa digunakan untuk menyebutkan Yahudi), mereka akan bertemu dengan pelbagai macam keganasan dan ancaman. Namun demikian, pengajaran tersirat yang dapat dipetik dari catatan Schoenman adalah, sebuah gambaran tentang sukarnya mengesan atau mengetahui maklumat tentang Yahudi. Apa yang ditegaskan Schoenman tentang sukarnya mendapatkan maklumat tentang Yahudi, telah di alami oleh Trias Kuncayono seorang wartawan Indonesia. Trias dalam tulisannya mengenai hal ini telah menunjukkan kesulitan-kesulitan yang pernah dialaminya seperti sikap curiga, berhati-hati yang menjurus kepada keagamaan dan fobia yang begitu tinggi daripada orang-orang Israel. Keadaan seperti ini bukan perkara yang

jarang berlaku. Suasana seperti itu boleh ditemui apabila setiap orang yang melawat negara Palestin, iaitu wilayah yang dihuni dua bangsa keturunan Nabi Ibrahim (Trias Kuncahyono.2008:95). Justeru, tulisan ini akan membincangkan nama-nama utama yang berkait rapat dengan konflik yang berlaku antara Palestine dan Israel dan peranan-peranan yang mengakibatkan konflik ini berpanjangan seperti tiada kesudahan.

## **ISTILAH DAN PERBEZAAN YAHUDI, ZIONIS DAN ISRAEL**

Masalah yang kerap diajukan ketika membincangkan Yahudi ialah pelbagai istilah yang digunakan baginya atau penggunaan istilah yang tidak konsisten terhadapnya. Pada umumnya, penggunaan istilah Zionisme dan Israel seringkali digunakan sebagai kata ganti kepada istilah Yahudi namun untuk melihat masalah Israel-Palestin secara lebih objektif adalah lebih baik penggunaan ketiga-tiga istilah ini dibezakan. Perbezaan mengenai ketiga-tiga Istilah ini boleh dilihat melalui penjelasan seperti berikut,

### **1. Israel**

Israel merupakan sebuah negara yang majoriti masyarakatnya penganut agama Yahudi, namun bukan bermakna agama lain tidak ada yang dianuti di sana. John Obert Voll berpendapat, penempatan umat Islam di negara Israel mencapai 10% pada akhir tahun 1960-an dan mereka menerima kewujudan muslim sebagai minoriti dengan sedikit tanda-tanda aktivisme Islam atau penegasan keyakinan Islam secara terang-terangan. Perang Arab-Israel pada 1967 mengakibatkan pendudukan Israel atas wilayah West Bank milik Jordan dan wilayah lain yang majoritinya muslim. Peristiwa ini telah menjadi faktor masyarakat Islam di Israel melakukan hubungan dengan komuniti muslim yang lebih luas sekali gus menambah kuantiti masyarakat dengan identiti yang lebih besar (John Obert Voll 1997:43).

### **2. Yahudi**

Yahudi memang sukar untuk dipisahkan dengan bangsa Israel. Namun istilah ini mestilah difahami dari aspek teologi bagi membezakannya dengan konsep teologi lain dari tiga agama besar keturunan Ibrahim iaitu Yahudi, Nasrani dan Islam. Jelasnya, hubungan Yahudi dengan Israel adalah sebagai identiti yang hampir mustahil dipisahkan. Hal ini boleh dilihat melalui salah satu daripada undang-undang yang terdapat *Law of Return Israel*: “setiap orang yang mempunyai datuk moyang Yahudi berhak untuk tinggal di Israel dan berhak mendakwa sebagai warga negara Israel (John Obert Voll 1997: 45)”.

### **3. Zionisme**

Zionisme merupakan suatu fahaman, ajaran, cita-cita, sistem ataupun sikap salah satu kumpulan yang muncul dari kalangan Yahudi itu sendiri. Istilah Zionisme diambil dari kata Zion yang banyak didapati dalam kitab Suci Yahudi. Karen Armstrong menyebutkan, Zionisme ialah gerakan untuk membina tanah air Yahudi di Palestin. Ia merupakan respon kaum Yahudi terhadap pemodenan yang paling imaginasi dan paling luas jangkauannya. Oleh kerana itu, Zionisme hanya dapat difahami sebagai gerakan untuk membina negara Israel yang dalam faktanya menjadi gerakan paling berpengaruh. Namun, Zionisme tidak boleh di golong sebagai seluruh orang Yahudi. Bahkan seperti yang dituliskan Karen Armstrong, kaum ortodoks Yahudi mengutuk gerakan Zionis dengan istilah-istilah yang paling ekstrem (Karen Armstong. 2000:231).

Berdasarkan tiga penggunaan istilah ini iaitu Israel, Yahudi dan Zionisme sebagaimana yang tertulis di atas, secara tidak langsung telah menunjukkan perbezaan dari penggunaan ketiga istilah tersebut. Harus diakui, membezakan ketiga istilah ini merupakan kerja yang sukar kerana pelbagai dasar dan perkara yang menyamakan ketiganya. Namun demikian, membezakan ketiga istilah ini sangat penting dilakukan untuk mendapatkan kesimpulan yang tepat dan objektif dari setiap analisis yang dilakukan untuk melihat konflik Israel-Palestin.

## **ZIONISME SEBAGAI GERAKAN KEAGAMAAN DAN POLITIK**

Zionisme berasal daripada perkataan Ibrani `zion` yang bermaksud batu karang. Ia merujuk kepada batu bangunan Haikal Sulaiman yang didirikan di atas sebuah bukit karang yang bernama Zion. Oleh itu perkataan Zionisme adalah nisbah kepada nama sebuah bukit yang terletak di selatan Baitul Maqdis. Dikatakan, Nabi Daud a.s pernah menguasai kota Zion yang pada ketika itu kota Zion dikuasai oleh kaum Yabus. Setelah berjaya menguasainya, Nabi Daud tinggal di dalam benteng tersebut dan menggelarkannya `Bandar Daud`. Sejak itu bukit Zion menjadi tempat yang suci kerana orang Yahudi percaya bahawa tuhan tinggal di situ. Di dalam kitab Nabi Daud `al-Mazamir` ada dinyatakan ayat: "Indahkanlah (nyanyikanlah) suaramu untuk Tuhan yang menetap di Zion". Ada juga pendapat yang mengatakan bukit Zion itu terletak di Jurusalem. Bukit Zion mempunyai kedudukan penting dalam agama Yahudi kerana menurut Taurat al-Masih yang dijanjikan akan menuntut kaum Yahudi memasuki "Tanah yang Dijanjikan" dan al-Masih akan memerintah dari puncak bukit Zion tersebut (Syed Ahmad.1977:93). Secara jelasnya pada hari ini Zionisme tidak lagi membawa maksud gerakan agama, tetapi ia membawa makna sebuah gerakan politik yang bermatlamat untuk mengembalikan semangat kaum Yahudi yang tersebar ke seluruh pelosok dunia ke Palestin iaitu di bukit Zion dan sekitarnya.

Sejarah awal gerakan Zionisme adalah sebuah gerakan keagamaan. Gerakan Zionisme sebagai sebuah gerakan keagamaan berkait langsung dengan konsep Messiah dalam agama mereka. Konsep *Messiah* atau dalam istilah konsep dan teori eskatologi disebut messianisme. Fahaman Messiah menurut ajaran Yahudi ialah akan datang seorang penyelamat pada akhir zaman dari keturunan Daud. Dia akan memerintah bumi ini dengan penuh keadilan, dia adalah raja dan juga pendeta. Dia akan menyatukan dan menyelamatkan bangsa Yahudi dan memusnahkan orang-orang yang zalim (Fuad1995:36).

Selama beberapa ratus tahun keberadaan bangsa Yahudi di tengah masyarakat Eropah, bangsa itu kurang disenangi oleh sebahagian masyarakat Eropah. Faktor keagamaan dan penguasaan bangsa Yahudi ke atas ekonomi adalah antara faktor utama bangsa tersebut dibenci oleh masyarakat Eropah. Kemuncak daripada kebencian itu menyebabkan bangsa Yahudi ditindas dan diseksa. Oleh sebab penindasan yang berlaku ke atas bangsa Yahudi semakin berleluasa di Eropah maka bangsa Yahudi telah menubuhkan pelbagai pertubuhan dengan tujuan untuk membela bangsa mereka daripada terus ditindas. Daripada pertubuhan-pertubuhan tersebut, Pertubuhan Zionis Sedunia (*World Zionist Organization*) adalah pertubuhan yang mendapat sokongan kuat daripada kebanyakan bangsa Yahudi (Adian Husaini.2004:109).

Pertubuhan Zionis Sedunia diasaskan oleh Theodor Herzl (1860-1904), seorang wartawan Yahudi yang berasal dari Austria. Pada tahun 1896, beliau telah menyusun doktrin Zionis menerusi sebuah buku yang berjudul *Der Judenstaat* (Negara Yahudi). Beliau tidak memiliki keyakinan agama yang kuat, sebaliknya beliau melihat `keyahudian` itu sebagai sebuah nama

kebangsaan. Beliau menjadi fanatik dengan idea pertubuhan Zionis sehingga tertubuhnya Persatuan Zionis Sedunia. Penubuhan ini telah menandakan berakhirnya Zionisme sebagai sebuah gerakan keagamaan dan bermulalah Zionisme sebagai sebuah gerakan politik. Theodor Herzl dalam hal ini seolah-olah menggambarkan beliau sudah berputus asa dengan keadaan Eropah yang memusuhi bangsa Yahudi. Satu-satunya jalan penyelesaian kepada masalah tersebut adalah dengan kelahiran sebuah negara Israel. Beliau mengambil pendekatan diplomasi untuk mendapatkan tanah bagi menubuhkan negara Yahudi. Beliau telah bertemu dengan Sultan Abdul Hamid II, ketua kerajaan empayar Uthmaniyyah dan meminta agar Palestin diberi kepada Yahudi. Namun permintaan beliau ditolak oleh Sultan Abdul Hamid II dengan tegas (Maulani, 2002) Oleh sebab usaha diplomatik beliau tidak berjaya maka pada tahun 28-31 Ogos 1897 telah berlangsung kongres pertama pertubuhan ini di Basel, Switzerland. Kongres pertama ini menjadi titik mula kepada sejarah penubuhan sebuah negara untuk bangsa Yahudi. Pertubuhan ini mengadakan kongres setiap empat tahun sekali yang menjadi medan pertemuan wakil-wakil Yahudi daripada pelbagai negara di seluruh dunia. Mereka yang menghadiri kongres tersebut telah bersepakat bahawa Zionisme bertujuan untuk membangunkan sebuah tanah air bagi kaum Yahudi di Palestin yang dilindungi oleh undang-undang. Untuk tujuan tersebut mereka akan mendorong bangsa Yahudi berhijrah ke Palestin. Mereka juga menyentuh isu-isu berkaitan dengan politik dan ekonomi bagi merealisasikan negara Yahudi di Palestin.

## **PENAKLUKAN PALESTIN**

Langkah pertama yang diambil oleh Zionis untuk membentuk sebuah negara Yahudi di Palestin adalah dengan menjadikan bangsa Yahudi sebagai penduduk majoriti di Palestin. Untuk merialisasikan langkah tersebut, mereka telah mendorong bangsa Yahudi berpindah dari Eropah ke Palestin malah mereka juga telah melakukan banyak propaganda palsu supaya bangsa Yahudi berpindah ke Palestin. Antaranya dengan melaungkan slogan '*sebuah tanah tanpa manusia untuk seorang manusia tanpa tanah*'. Slogan tersebut membawa maksud Palestin iaitu '*tanah tanpa manusia*' hendaklah diberikan kepada orang Yahudi iaitu '*manusia tanpa tanah*'. Pada peringkat awalnya usaha tersebut tidak diendahkan oleh sebahagian besar bangsa Yahudi sendiri yang telah menetap lama di Eropah. Hanya sebilangan kecil sahaja bangsa Yahudi yang berhijrah ke Palestin ketika itu. Hal ini kerana mereka tidak pernah terfikir untuk berpindah ke Palestin, tambahan pula seruan tersebut tidak ada kebenarannya. Mereka menyedari bahawa di Palestin telah berdiri sebagai sebuah negara dan orang Yahudi pula memiliki tanah di negara-negara yang mereka duduki. Walaupun penghijrahan bangsa Yahudi dari Eropah ke Palestin tidak berlaku secara besar-besaran dan mendadak namun penghijrahan tersebut tetap berlaku dalam jangka masa yang lama. Oleh itu semakin hari semakin bertambah jumlah bangsa Yahudi yang berhijrah dan menetap di Palestin. Penghijrahan tersebut dibiayai oleh kerajaan Eropah dan dana sumbangan bangsa Yahudi di seluruh dunia (Shmuel Almog, 1983:10).

Zionis juga berusaha keras untuk mendapatkan bantuan kerajaan Eropah, khususnya Inggeris atas usaha mendapatkan Palestin. Hasil usaha yang tidak putus-putus, akhirnya pada tahun 1917 kerajaan Inggeris telah mengumumkan '*Deklarasi Balfour*' bahawa "Pemerintahan yang mulia memandang pentingnya pendirian di Palestin sebuah tanah air nasional bagi orang Yahudi di Palestin". Deklarasi ini adalah bukti kejayaan Zionis dalam mempengaruhi pihak barat khususnya Inggeris bagi membantu usaha mereka menakluki Palestin. Selepas pengumuman '*Deklarasi Balfour*' oleh Inggeris, Zionis mengambil langkah yang lebih drastik untuk memaksa bangsa Yahudi yang tinggal di Eropah berhijrah ke Palestin. Mereka dengan sengaja telah mewujudkan konflik antara bangsa Yahudi dengan pemerintah Eropah supaya

pemerintah Eropah mengusir bangsa Yahudi daripada Eropah. Oleh itu, dengan sendirinya bangsa Yahudi Eropah perlu bersiap-siap untuk berhijrah ke Palestin (Shmuel Almog. 1983:19).

Kesan daripada langkah-langkah tersebut telah menyebabkan populasi bangsa Yahudi di Palestin naik secara mendadak daripada jumlah 175,000 orang pada 1931 kepada 400,000 orang pada 1936. Daripada sumber lain pula mencatatkan jumlah bangsa Yahudi yang berhijrah ke Palestin meningkat dari 100,000 orang pada 1920-an menjadi 232,000 orang pada tahun 1930-an. Melalui dana yang diperoleh daripada Eropah dan sumbangan bangsa Yahudi dari seluruh dunia, Zionis telah membeli tanah-tanah sekitar Palestin untuk menampung bangsa Yahudi yang berhijrah ke sana sehingga pada tahun 1939. Setelah dari itu, penduduk Yahudi telah memiliki dua kali lebih daripada jumlah tanah yang mereka miliki pada tahun 1920-an (Abu Tolhah.2014:49).

### **KELAHIRAN NEGARA ISRAEL DAN PEMBERSIHAN ETNIK ARAB PALESTIN**

Pada tanggal 14 Mei 1948, David Ben-Gurion, perdana menteri Israel pertama telah mengisytiharkan penubuhan negara Israel yang tidak mempunyai sempadan yang jelas. Untuk memastikan kedudukan bangsa Yahudi kukuh di negara Palestin, Zionis telah melancarkan proses pembersihan etnik Arab Palestin melalui pelbagai cara seperti merobohkan perumahan Arab Palestin dan menggantikannya dengan perumahan baru Yahudi, diskriminasi dari sudut politik ekonomi dan sosial. Kesan daripada tekanan dan pembunuhan di kampung-kampung Palestin, bilangan rakyat Palestin yang tinggal di dalam kira-kira 500 buah bandar, pekan dan perkampungan jatuh dari 950,000 orang kepada 138,000 orang. Kebanyakan dari mereka telah dibunuh dan yang lain telah diusir keluar. Kumpulan pengganas Zionis yang kemudiannya menjadi pasukan askar Israel telah menyerang perkampungan umat Islam pada waktu malam. Ini termasuk peristiwa pembantaian di Deir Yasin yang menyebabkan lebih 300 orang rakyat Palestin dibunuh dengan kejam. Umat Islam ditembak dan ke mana sahaja kumpulan ini pergi mereka akan melakukan pembakaran dan kemusnahan. Dengan cara yang dilakukan Zionis ini, kira-kira 400 buah perkampungan Palestin dilenyapkan dari peta pada tahun 1948 dan 1949. (Yahya Harun. 2004 : 42).

Kesimpulannya, gerakan Zionis bukan sahaja berjaya menjadi satu pertubuhan yang menyatupadukan bangsa Yahudi malah turut menjadi pertubuhan yang berpengaruh sehingga setiap perkara yang berkaitan dengan kepentingan Yahudi pasti Zionis ada di sebalik perkara tersebut. Gerakan Zionis seolah-olah telah menguasai dunia kerana setiap perancangan mereka didokongi oleh umum seluruh dunia. Satu-satunya matlamat utama gerakan Zionis daripada segenap perancangan mereka adalah menempatkan bangsa Yahudi di Palestin melalui penubuhan negara haram Israel. Oleh itu gerakan Zionis bukanlah sebuah gerakan yang berunsurkan keagamaan tetapi ia berunsurkan kebangsaan kerana agama Yahudi tidak membenarkan penganutnya melakukan keagasan dan penindasan ke atas umat yang lain.

### **PROTOKOL ZIONIS**

Salah satu perkara yang dikaitkan dengan gerakan Zionis ini adalah Protokol Zionis, ia adalah dokumen rahsia yang mengandungi 24 protokol yang setiap satunya adalah perancangan Zionis menguasai dunia. Protokol tersebut adalah hasil keputusan-keputusan yang dibuat oleh para Hakamat dan golongan intelek Zionis. Protokol Zionis asalnya diambil daripada 25 langkah strategik bagi golongan Zionis Sedunia menguasai dunia yang digubal di rumah Rothschilds, seorang aktivis dan jutawan Yahudi pada tahun 1773. Langkah-langkah strategik inilah yang

dijadikan agenda Pertubuhan Zionis Sedunia yang digagaskan pada tahun 1897 melalui kongres pertama pertubuhan ini di Basel, Switzerland. Apa yang membezakan keduanya adalah Protokol Zionis mempunyai 24 perkara sedangkan Protokol Rothschilds mempunyai 25 perkara. (Abu Tolhah.2014 : 216-218).

Menurut Mohd Nadzri, semua protokol tersebut mengandungi perkara-perkara seperti doktrin asas, perang ekonomi, cara penjajahan, material menggantikan agama, penguasaan mutlak dan kemodenan, teknik pengambilalihan, perang seluruh dunia, kerajaan sementara, pendidikan semula, persediaan untuk berkuasa, pemerintahan kuku besi, kawalan media, gangguan minda, serangan ke atas agama, penindasan tanpa belas kasihan, penyucian minda, penyalahgunaan kuasa, melenyapkan penentangan, kerajaan rakyat, program kewangan, pinjaman dan kredit, kuasa emas, memupuk kepatuhan dan raja Yahudi. Protokol-protokol tersebut adalah (Mohd Nadzri. 2011 : 80-86):

1. Cara pemerintahan yang terbaik adalah menggunakan kekerasan dan keganasan, bukan diplomasi. Hak dan kebenaran terletak kepada kekuatan. Politik tidak sesuai dengan akhlak, pemerintah yang bermoral bukan ahli politik yang bijak sebaliknya perlu bijak menggunakan tipu helah. Matlamat menghalalkan cara, minuman keras harus digunakan untuk mencapai tujuan tersebut.
2. Menguatkan kedudukan Yahudi dengan memberi bantuan menerusi agen-agen Yahudi. Memerintah non-Yahudi tanpa disedari mereka dan pemerintah mereka mestilah mereka yang mudah diarah. Menggerakkan fikiran umum melalui akhbar dan mengambil kesempatan mendapatkan emas. Pengorbanan adalah perlu, nyawa seorang Yahudi berharga seribu nyawa non-Yahudi.
3. Menghuru-harakan negara non-Yahudi sehingga menyebabkan kemerosotan ekonomi. Berlagak sebagai penyelamat dan mempelawa masuk ke pasukan kita iaitu sosialis komunis dan lain-lain yang dapat memberi ruang kepada Yahudi untuk menguasai non-Y a h u d i . Yahudi wajib menanam perasaan yang semua non-Yahudi tidur nyenyak apabila kenyang dengan darah, ketika itulah senang bagi Yahudi memperhambakan mereka.
4. Mesti menghapuskan semua prinsip ketuhanan dari hati non-Yahudi dan menggantikannya dengan keperluan kebendaan. Fikiran non-Yahudi mesti dialih ke arah perdagangan dan perusahaan supaya tidak ada masa memikirkan soal musuh-musuh mereka, akhirnya seluruh kepentingan akan jatuh ke tangan Yahudi.
5. Menyekat non-Yahudi dari mengatasi Yahudi dalam sains, politik dan ekonomi dengan menimbulkan perselisihan sehingga wujud konflik sesama mereka. Mereka tidak akan mencampuri masalah itu kerana hanya difahami oleh orang-orang yang memimpin rakyat sahaja.
6. Wajib tabur fitnah supaya timbul kekacauan, pertelagahan dan permusuhan di kalangan manusia. Wajib menyambut penentangan non-Yahudi dengan peperangan di seluruh dunia.
7. Pemerintah Yahudi akan dikelilingi oleh segolongan besar ahli-ahli ekonomi dan orang Yahudi sendiri akan dikelilingi oleh ribuan ahli-ahli korporat, jutawan dan usahawan.
8. Yahudi akan mendirikan kerajaan diktator dan melaksanakan undang-undang yang tegas iaitu tanpa pengampunan. Yahudi akan merosakkan moral pemuda-pemuda non Yahudi dengan menanamkan teori-teori palsu dan ilmu-ilmu batil.
9. Yahudi akan mentafsirkan kemerdekaan sebagai mengamalkan apa yang diperkenalkan dan dibenarkan oleh undang-undang. Jika non-Yahudi diberi lesen menerbitkan 10 akhbar dan majalah, bangsa Yahudi mesti menerbitkan lebih daripada itu. Ini amat penting kerana ia adalah alat untuk mengubah fikiran rakyat.

10. Menghapuskan golongan korporat dari kalangan non-Yahudi, mewujudkan spekulasi, menyebarkan projek-projek mewah, menganjurkan pesta-pesta dan pelbagai bentuk hiburan lain di kalangan non-Yahudi. Agen-agen Yahudi hendaklah membawa ahli-ahli politik non-Yahudi kepada kegiatan-kegiatan hiburan, olahraga, pesta-pesta, pertandingan kesenian, kebudayaan dan lain-lain.
11. Ahli falsafah mesti membincangkan dan mendedahkan kekurangan dan keburukan agama lain. Para penulis Yahudi mesti mewujudkan sastera-sastera berbaur pornografi.
12. Pensyarah-pensyarah universiti akan mendidik para pemuda supaya patuh kepada pihak berkuasa. Undang-undang negeri dan politik tidak akan diajar kecuali kepada beberapa orang yang dipilih kerana kebolehan mereka.
13. Mengehendkan kuasa bidang kehakiman. Guaman adalah orang-orang yang mempunyai tabiat buruk dan memenangkan orang yang dibelanya walau menghancurkan keadilan dan mengorbankan kebajikan masyarakat.
14. Membicarakan orang-orang yang melakukan kesalahan politik sama seperti orang yang mencuri dan membunuh. Orang ramai akan memandang kesalahan politik sebagai kesalahan yang hina dan menimbulkan rasa benci terhadap mereka yang melakukannya.
15. Bank Antarabangsa Yahudi akan memberi pinjaman kepada non-Yahudi dengan kadar faedah yang tinggi. Hutang non-Yahudi akan menjadi berlipat kali ganda sekali gus melumpuhkan ekonomi non-Yahudi.
16. Bagi memastikan Yahudi berkuasa penuh dalam pemerintahan dunia, kekerasan terpaksa digunakan, pusat kekuasaan paling besar terletak dalam tangan Yahudi.
17. Kerajaan tidak boleh diserahkan kepada mereka yang tidak tahu selok-belok pemerintahan. Hanya mereka yang boleh menunjukkan sikap keras, kejam dan boleh memerintah dengan tegas akan menerima teraju kerajaan daripada pemimpin-pemimpin Yahudi.

Dari semua protokol yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa setiap langkah-langkah tersebut bertujuan menempatkan dan menjamin bangsa Yahudi terus kekal mendiami bumi Palestin serta dunia mengiktiraf kewujudan negara Israel.

## **FREEMASON DAN YAHUDI**

Perkataan Freemasonry terdiri dari tiga bahagian, pertama perkataan Free iaitu bererti bebas, tidak terikat oleh apa-apa jua pun. Manakala perkataan Mason pula beerti pekerja secara umum dan pekerja mandiri rumah batu. Perkataan Ry pula menunjukkan nisbah kepada jabatan atau pekerjaan (Abdul Rahman.1978:3).

Jadi gabungan dari ketiga-tiga rangkaian atau bahagian itu jelaslah bahawa Freemasonry atau Pertubuhan Freemason bermaksud perkumpulan para Pembina rumah atau tukang-tukang bina rumah batu yang bebas tidak terikat dengan apa-apa jua ikatan atau persatuan. Manakala pertubuhan Freemason yang terkenal sekarang ini berbeza dari apa disebut di atas. Ia adalah satu pertubuhan rahsia Yahudi yang tersusun rapi diasaskan oleh pendeta-pendeta Yahudi bertujuan untuk menegakkan kekuasaan dan kerajaan Zionis Yahudi. Gerakan ini membawa slogan dan semboyan “Kebebasan”, “Persaudaraan” dan “Persamaan” (Sabir Taimah. 1979:15).

Freemason adalah sebuah pertubuhan sulit Yahudi yang mempunyai hubungan rapat dengan gerakan Zionis Antarabangsa. Kegiatannya berpandukan kepada ajaran-ajaran kitab suci Yahudi. Ia ditubuhkan antara lain untuk membela kepentingan mereka serta mahu mengembalikan semula kerajaan Yahuza atau kerajaan Yahudi dan seterusnya menakluki atau

menguasai dunia seluruhnya. Perancangan sulit mereka pada awalnya dirahsiakan di dalam kitab-kitab Talmud dan Protokol. Pendeta Zionis Antarabangsa melakukan perancangan baru dengan menubuh beberapa pertubuhan sulit yang lain seperti Kelab Rotary dan Kelab Lions di samping meneruskan gerakan Freemason tersebut.

Kelab Rotary dan Kelab Lions di samping menjalankan aktiviti kebajikan, membantu orang-orang yang memerlukan bantuan dan sebagainya. Ia juga bergerak untuk meruntuhkan akhlak bangsa bukan Yahudi. Henry Kissinger seorang Yahudi yang berperanan penting di dalam politik di zaman Presiden Nixon, telah berjaya mendidik lebih daripada 600 orang tokoh dunia di universiti tersebut, antaranya ialah Zagan Alon dari Israel, Yasuhiro Nakonara (Menteri Jepun), Liyutand Mamiz, Perdana Menteri Bulgaria, Ezhar Eblor, Timbalan Menteri Ekonomi Jerman Barat dan lain-lain lagi (Fathi Yakan.1986:97). Organisasi tersebut berusaha mempengaruhi dan memeralatkan tokoh-tokoh pemimpin dunia bagi mencapai cita-cita Zionis untuk menghancurkan masyarakat bukan Yahudi. Ramai di antara pemimpin dunia telah dapat diperalatkan oleh Freemason seperti Martin Luther, Anderson, Mustafa Kamal Attartuk Turki, Fruid, Napoleon I, Lord Cromer, Wilson, Hussein at-Tuhami (Mesir), Lee Kuan Yew (Singapura), Habib Bolghiriba (Tunisia) dan lain-lain lagi, di mana tangan-tangan merekalah yang mencengkam kuat dan membendung kebangkitan Islam sejagat (Hamdan.1986:137-140).

Untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi tentang pertubuhan Freemason, di bawah ini dibawa beberapa petikan pendapat pemimpin-pemimpin Freemason dan orang lain mengenai hakikat sebenar pertubuhan tersebut. Menurut pengarang kitab *al-Masuniah*, pada tahun 1889 satu persidangan besar telah diadakan sempena memperingati Revolusi Francis. Di dalam persidangan, satu kenyataan diumumkan berbunyi (Muhammad Safwah.1980:93) : Matlamat gerakan Freemason adalah untuk mendirikan pemerintahan yang tidak mempercayai adanya Tuhan.

Profesor `Iwad al-Khuri di dalam bukunya "Tabdid az-Zalam" memetik kata-kata dua orang ketua pertubuhan Freemason yang diucap di dalam majlis pembukaan penubuhannya bagi menjelaskan matlamat dan tujuannya yang sebenar. Seorang dari ketua itu berkata : Bahawa matlamat ia ditubuhkan ialah untuk mengembalikan dunia ini kepada orang Yahudi dan menentang ajaran Yusuk iaitu ajaran Isa a.s. Manakala seorang lagi berkata, "Pertubuhan ini mesti ditegakkan walaupun dengan penumbuhan dan mesti melakukan segala perkara yang ditegah demi untuk menjaga dan mengawal kedudukan agama Yahudi".

Dr Muhammad Ali az Za'bi, seorang ahli sejarah Islam menjelaskan hakikat Freemason yang sebenar, katanya: Freemason adalah perangkap samar yang berada di tangan orang Yahudi untuk memerangkap pembesar-pembesar Negara dunia dan untuk menipu bangsa-bangsa dunia yang lalai dan rakyat-rakyat jahat. Freemason satu organisasi bahaya yang tersembunyi di sebalik slogan dan semboyan atau lambang-lambang rahsia yang tidak diketahui orang. Dia adalah sebagai sebilah pisau tajam yang disimpan atau disembunyikan oleh orang-orang Yahudi di dalam hati seluruh bangsa-bangsa dunia berkurun-kurun lamanya dengan diberi memakai pakaian atau dilahirkan dengan slogan "Kebebasan", "Persaudaraan" dan "Persamaan", sedangkan tujuan sebenar organisasi atau pertubuhan ini ialah untuk mengembalikan semula Kerajaan Yahudi dan untuk melatih bijak pandai mereka bagi tujuan tersebut. Kemudian Dr az-Za'bi menambah lagi: "Sebenarnya Freemason asal lahirnya dari Yahudi, kerana itu ia bijak menipu dan berbohong (Muhammad Safwah,1980:25-26). Selain dari itu Ali Jarisyah pula menyebut bahawa pertubuhan Freemason ditubuh bertujuan untuk menghapus semua agama langit



(selain agama Yahudi) dan ingin menguasai serta memerintah seluruh dunia (Ali Jarisyah,1987:258).

Pada tahun 1866 seorang pendita Yahudi Dr Leacwise menjelas tentang Freemason (Abdul Halim.1979:201), katanya:

Freemason adalah organisasi Yahudi samada dilihat dari segi sejarahnya, ajarannya, kalimah-kalimah rahsia yang ada di dalamnya dan lain-lain lagi, dari awal hingga akhir semuanya Yahudi.

Dari beberapa petikan di atas jelaslah bahawa Freemason adalah salah satu gerakan sulit Yahudi yang dipengaruhi oleh golongan intelek. Mereka mahu menguasai dunia dengan cara menarik seramai mungkin bangsa-bangsa lain supaya mengikuti mereka dengan cara melakukan propaganda yang pada asalnya nampak seperti baik dan berguna untuk semua orang iaitu "Kebebasan",Persaudaraan dan Persamaan tetapi adalah sebaliknya.

Ketiga-tiga slogan ini bagi yang tidak tahu hakikat sebenar pertubuhan Freemason akan tertarik dan terus masuk menjadi ahlinya. Dari apa yang dapat dikesan memang ramai pembesar dunia Islam dan bukan Islam menjadi ahli pertubuhan ini. Di samping itu mereka menggunakan lambang-lambang rahsia yang tidak diketahui oleh orang ramai.

Apa yang disebut di atas adalah hakikat sebenar pertubuhan Freemason dan itulah matlamat dan tujuan yang dirahsiakan oleh mereka tetapi jika dilihat kepada matlamat dan tujuan lahir, lain pula keadaanya. Dari segi lahirnya Freemason, ia dianggap sebagai pertubuhan yang berguna kepada ahli dan masyarakat seluruhnya, ia dianggap satu pertubuhan kebajikan dan sukarela berkhidmat untuk kepentingan orang ramai, mengeratkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang di antara sesama anggota serta mengajak dan meransang mereka melakukan kerja-kerja kebajikan dan sukarela di samping untuk membantu golongan-golongan yang lemah dan memerlukan bantuan (Ahmad Syalabi.1976:233). Slogan-slogan yang ditonjolkan di atas adalah tidak seperti yang dikempenkan melainkan ia hanya bertujuan untuk menarik seberapa ramai pembesar dan pemimpin-pemimpin dunia supaya memasuki menjadi ahli Freemason dan tarikan ini memang telah berjaya.

## **KELAHIRAN FREEMASON**

Tidak dapat diketahui dengan jelas bilakah pertubuhan Freemason dilahirkan dan siapakah pengasasnya. Ahli-ahli sejarah berselisih pendapat mengenai kelahirannya. Ada yang mengatakan kelahirannya ada kaitan dengan zaman Firaun yang lain mengatakan ia mula lahir sewaktu membina Haikal Sulaiman, yang lain mengatakan ia lahir di sekitar tahun 1616 Masihi dan ada pula yang mengatakan ia lahir di sekitar kurun kelapan belas Masihi dan sebagainya.

Bagi Dr Ali Jarisyah pula, beliau menjelaskan mengenai kelahiran dan perkembangan Freemason di dalam tiga peringkat iaitu (Ali Jarisyah.1987:260-266):

### **1. Peringkat Pertama**

Peringkat pertama bermula di awal kurun pertama bermula di awal kurun pertama Masihi sewaktu Raja Herodos II memerintah kaum Bani Israel. Waktu itu dikatakan pendeta-pendeta Yahudi dapat tahu dari orang-orang Parsi tentang kelahiran Nabi Isa a.s membawa agama Kristian dan dia akan merobohkan Haikal Sulaiman. Mendengar hal itu, Raja Herodos II

bersama pengikut-pengikutnya menubuh satu pakatan rahsia bertujuan untuk menghancurkan agama Kristian dan pengikut-pengikutnya. Pakatan rahsia itu diketahui oleh Herodos sendiri dan dinamakan “Kekuatan tersembunyi”. Kemudian pada 10 Ogos 43 Masihi mereka mengadakan satu perjumpaan rahsia pertama di Istana Raja.

Dari perjumpaan pertama itu, gerakan Pakatan Kekuatan Rahsia tajaan Yahudi itu jelas menampakkan mereka ingin menjaga kebaikan bangsa dan agama Yahudi dan sekaligus mereka menentang Nabi Isa dan pengikut-pengikutnya. Sebab itu bermula dari situ mulalah gerakan Pakatan Kekuatan Rahsia ini melakukan berbagai-bagai tentangan dan keganasan terhadap orang-orang Kristian dan memusuhi mereka secara berterusan. Mana-mana orang yang memasuki gerakan ini diwajibkan melakukan sumpah setia. Dalam pengucapan itu, mereka sepakat akan mengembangkan bilangan ahli mereka yang pada asalnya seramai sembilan orang sahaja dan mereka juga bersepakat untuk memusuhi agama Kristian. Selepas berlaku perjumpaan pertama di atas beberapa ketika, akhirnya mereka mengadakan sebuah tempat perhimpunan dinamakan Rumah Hantu Jerusalem. Demikianlah mula terbentuknya pakatan rahsia tajaan Yahudi di awal kurun pertama Masihi.

## **2. Peringkat Kedua**

Peringkat ini bermula pada tahun 55 Masihi. Di waktu itu banyak didirikan tempat perhimpunan dan ibadat mereka yang terdapat di beberapa tempat dan yang terbesar di Rome. Di waktu ini “Pakatan Kekuatan Rahsia” memainkan peranan penting menentang penganut-penganut Kristian dan memaksa mereka meninggalkan agamanya. Orang paling aktif memainkan peranan ini ialah Paul seorang Yahudi yang kuat berpegang kepada ajaran agamanya, kemudian beliau menyamar menukar dan memeluk agama Kristian bertujuan mahu merosakkan agama itu dari dalam. Dr Ahmad Syalabi ada menyebut bahawa Paul pada asalnya seorang Yahudi yang kuat menentang orang-orang Kristian secara terang-terang tetapi setelah tidak berjaya merosakkan dari luar, dia menggunakan cara lain pula iaitu merosakkan dari dalam (Ahmad Syalabi.1976:124). Setelah menyamar diri sebagai penganut Kristian beliau mengubah beberapa ajaran Kristian di antaranya, pertama, menganggap dan mengatakan Nabi Isa a.s adalah anak tuhan; kedua, agama Kristian yang ada pada asalnya agama khusus untuk bani Israel dijadikan agama universal yang boleh dianuti oleh semua orang dan bangsa dan yang ketiga, menghapus syariat Nabi Isa a.s yang mewajibkan berkhatan.

Di samping peranan Paul yang jahat itu, gerakan “Kekuatan Rahsia” sendiri memainkan peranan yang sama merosakkan agama Kristian dan penganutnya. Kemudian setelah datangnya agama Islam, orang-orang Yahudi meneruskan kerja-kerja jahat menentang dengan hebatnya kedua-dua agama Kristian dan Islam secara besar-besaran, termasuk ingin mengubah ayat-ayat Allah dan sebagainya. Dari sini jelas bahawa Freemason di peringkat ini lebih terkenal dengan nama “Pakatan Kekuatan Rahsia” yang peranannya membela bangsa dan agama Yahudi, serta menentang agama Kristian dan Islam termasuk pengikut agama tersebut. Ini perlu mereka lakukan kerana kedua-dua agama itu dianggap agama saingan yang mesti ditentang habis-habisan.

## **3. Peringkat ketiga**

Peringkat ini bermula pada tahun 1770M apabila beberapa orang ahli Freemason menjalankan aktiviti yang lebih aktif untuk menyebarkan pengaruhnya dan cita-cita untuk mengembalikan kekuasaan kerajaan Yahudi. Di antara ahli yang aktif tu ialah Adam Weishaupt, seorang Profesor ilmu ketuhanan dari Jerman. Beliau telah keluar dari agama Kritian dan menjadi seorang *atheis*. Pada tahun 1770 beliau telah diminta oleh seseorang pemimpin Freemason Jerman supaya mengkaji “Protokol Zionis”. Protokol zionis ini adalah master plan bagi Yahudi untuk menguasai dunia khususnya umat Islam (Abdul Rahman,1978:45-46) :

- i. Merosakkan semua agama dan merosakkan semua kerajaan yang ada.
- ii. Memecah atau membahagikan bangsa-bangsa selain bangsa yahudi kepada beberapa blok atau kelompok dan membiarkan mereka berkelahi dan berperang di antara satu sama lain kerana perbezaan fahaman politik, ekonomi, sosial dan lain-lain.
- iii. Setiap kelompok dan kumpulan bangsa di atas dibekalkan dengan senjata-senjata supaya mereka berperang dan akhirnya mereka menjadi lemah.
- iv. Di dalam sebuah negeri disebar racun perbalahan dan perselisihan sesama rakyat supaya mereka berkelahi dan berlaku huru hara serta pemberontakan dengan tujuan satu demi satu kerajaan akan jatuh dan hancur.

Selain dari itu Adam Wishaupt menyusun satu kumpulan ‘Kelompok Cahaya’ bertujuan untuk menubuh sebuah kerajaan dunia yang dipimpin oleh golongan cerdik pandai Yahudi. Untuk itu beliau telah membuat perancangan jahat (Abdul Rahman 1978 :47-52), seperti :

- i. Memperdaya pembesar-pembesar dan pemimpin dunia dengan wang, perempuan dan lain lain lagi supaya mereka itu dapat dijadikan kuda tunggangan mereka.
- ii. Menguasai alat-alat media massa samada media cetak dan elektronik seluruh dunia. Selepas itu, “Kelompok Cahaya” ini dapat menarik seorang Jeneral Amerika bernama Albert Pike turut serta dalam kumpulan ini. Selepas beberapa tahun beliau ditugas mengkaji perancangan yang telah dibuat oleh Adam Weissaupt kemudian beliau membuat perancangan baru, antaranya :
  - i. Menyusun semula kedudukan Rumah Hantu Freemason.
  - ii. Mengadakan dewan tertinggi yang berpusat di Bandar “Charles Town untuk menguasai pergerakan Rumah Hantu .

Dengan ini gerakan Freemason dapat memainkan peranan penting menjadikan dunia ini sebagai sebiji bola yang boleh dilemparkan ke mana-mana sahaja yang mereka suka. Apa yang mereka rancangkan di atas terbukti pada zaman sekarang ini memang telah berjaya.

## **AGENDA ZIONIS TAKLUK PALESTIN**

Hasrat Zionis berjaya dikembangkan selepas kerajaan Islam Turki Uthmaniyah lemah dan tidak dapat mempertahankan tanah penduduk Islam. Walaupun Sultan Abdul Hamid II tidak membenarkan permintaan untuk mewujudkan negara Israel cukup kuat di England. Lobi zionis diketuai oleh Dr C Wheizmann, penggerak Gerakan Zionis British dan merupakan Ketua Perunding Zionis (Chief Zionist Negotiator) untuk mendapatkan sokongan dari Britain itu. Pihak Pertubuhan Zionis mempunyai agenda tersendiri untuk mewujudkan sebuah negara bagi bangsa Yahudi di Palestin yang disokong oleh undang-undang awam (public law). Ini dapat dilihat melalui perancangan Zionis untuk mencapai

agenda utama ini dengan penumpuan kepada 4 perkara (Mendes Flohr 1995:540) :

- i. Melakukan promosi, mengikut kesesuaian, tentang penjajahan Palestin melalui sistem pertanian Yahudi dan pekerja industri.
- ii. Mewujudkan organisasi dan kerjasama dengan seluruh jentera Yahudi dengan cara menguasai institusi, tempatan atau antarabangsa dengan mengikut undang-undang setiap negara.
- iii. Menguatkan dan meningkatkan kesedaran serta sentimen kebangsaan Yahudi.
- iv. Melakukan persediaan untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan, jika perlu, untuk menjalankan tujuan serta agenda Zionis.

Jika diperhatikan dengan teliti ketetapan di atas yang dipersetujui oleh Zionis, maka akan difahami bahawa Zionis merancang rapi untuk menjayakan agenda utama mereka dengan cara melobi untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap mereka. Strategi yang digunakan dengan bekerja berdasarkan undang-undang sesuatu negara juga menunjukkan betapa teliti pergerakan mereka sehingga tidak mahu dilihat sebagai penentang kepada sesebuah negara. Apabila ini dapat dijayakan, maka negara-negara yang ada di dunia akan melahirkan simpati terhadap golongan Yahudi.

Disebabkan oleh kebolehan mereka untuk melobi ini telah menyebabkan simpati kuasa besar pada ketika itu iaitu Britain untuk menyokong penubuhan sebuah negara untuk orang Yahudi di Palestin. Ini dapat dilihat melalui Deklarasi Balfour yang dikeluarkan pada 2 November 1917. Deklarasi tersebut menyatakan (Gelvin.2005:81):

*“His Majesty’s Government view with favour the establishment in Palestine of a national home for the Jewish people, and will use their best endeavours to facilitate the achievement of this object, it being clearly understood that nothing shall be done which may prejudice the civil and religious rights of existing non-Jewish communities in Palestine, or the rights and political status enjoyed by Jews in any other country.*

Deklarasi ini dengan jelas telah menyebut bahawa kerajaan Britain menyokong penubuhan negara untuk bangsa Yahudi di Palestin. Ia juga menunjukkan betapa pihak Britain akan memastikan bersungguh-sungguh supaya negara itu wujud walaupun hakikatnya masyarakat yang menduduki tanah Palestin itu adalah hampir keseluruhannya Arab yang majoritinya di kalangan Muslim dan sebahagian Kristian.

Dengan itu, secara tidak langsung pihak Zionis telah mendapat sokongan padu bagi menjayakan agenda utama mereka. Ketika itulah mereka terus mempergiat usaha untuk menawarkan kepada golongan Yahudi di Eropah terutama mereka yang berada di Eropah Timur untuk berhijrah ‘pulang’ ke Palestin. Golongan Yahudi di Eropah Timur sememangnya memerlukan pembelaan kerana mereka telah ditindas sejak sekian lama. Mereka adalah golongan yang tidak mendapat tempat, malah mereka amat bimbang untuk mengaku sebagai Yahudi kerana mereka akan dihalau, dipaksa dan sebagainya. Sebab itulah wujudnya istilah anti-semitism, di mana ia sebenarnya berlaku di Eropah. Jika kita lihat kini, ada pula yang mengaitkan anti-semitism sebagai sikap Islam terhadap orang-orang Yahudi. Ini silap, kerana sebenarnya Yahudi telah mendapat pembelaan semenjak Islam mentadbir Palestin. Saidina Umar telah membenarkan golongan Yahudi untuk berkongsi kesucian Bayt al-Maqdis setelah mereka dihalang semenjak tahun 135 Masihi untuk memasuki kota tersebut oleh Roman

Byzantine. Pada ketika ini, penentangan orang Islam ke atas Israel bukan kerana mereka Yahudi tetapi disebabkan oleh mereka merampas tanah orang Palestin untuk mendirikan negara mereka. Peluang Zionis untuk membina negara bagi golongan Yahudi di Palestin terbuka luas kerana ketika Deklarasi Balfour dikeluarkan, Palestin sudah berada di bawah penjajahan British. Ini berlaku selepas pasukan tentera Islam di bawah kerajaan Turki Uthmaniyyah gagal untuk bertahan sehingga tewas dan terpaksa menyerahkan wilayah penuh sejarah itu kepada pihak lawan.

Banyak cara digunakan oleh Zionis untuk memungkinkan mereka mencapai hasrat mewujudkan sebuah negara. Mereka menghalau penduduk keluar dari kampung-kampung mereka, mencetuskan ketidakstabilan, menyerang masyarakat kampung dan sebagainya. Mereka didorong melakukan apa saja kerana mereka telah mendapat sokongan kuasa dunia. Jadi, tidak ada apa yang ditakutkan ketika mereka melakukan keganasan terhadap penduduk-penduduk Palestin.

Menurut Cattan, tuntutan Zionis untuk mewujudkan sebuah negara bagi orang-orang Yahudi dengan mengatakan bahawa orang Yahudi mempunyai hubungan sejarah lama di Palestin itu sebenarnya tiada bukti atau alasan yang nyata. Beliau menegaskan bahawa di bawah undang-undang antarabangsa, sudah jelas dan nyata kaedah untuk mendapatkan sesuatu tanah atau daerah (*territory*) dengan mengaitkan dengan sejarah lama (*historic title*) adalah tidak termasuk dalam kaedah itu. O'Connell pula turut menegaskan bahawa istilah *historic right* atau *historic title* digunakan dalam undang-undang antarabangsa untuk merujuk kepada permohonan mendapatkan hak kawasan yang berkaitan dengan perairan sahaja (Cattan 1973:48).

Jelas di sini bahawa berdasarkan undang-undang antarabangsa, tidak ada sebuah negara boleh ditubuhkan atas alasan dia mempunyai kaitan sejarah semata-mata. Jadi Israel tidak boleh menggunakan hujah ini, lantas cara terbaik yang mereka lakukan ialah dengan merampas, menduduki dan menghalau penduduk Palestin dari tanah air mereka. Dalam erti kata lain, Israel telah menggunakan keganasan, sehingga sanggup membunuh Penduduk Palestin yang tidak bersalah seperti dalam peristiwa pada tahun 1948.

Bagi Cattan, sebenarnya Deklarasi Balfour itu tidak mempunyai maksud untuk memberikan hak dan kekuatan politik (*political sovereignty*) kepada Yahudi di Palestin. Beliau menganggap bahawa ini dapat dilihat dari reaksi British sendiri yang telah mengeluarkan kenyataan pada tahun 1922, yang meminta supaya Deklarasi pada tahun 1917 itu “tidak sepatutnya menimbulkan sebarang kemarahan di kalangan rakyat Palestin kerana ia tidak bermaksud untuk menghapuskan populasi masyarakat Arab di sana” (Cattan 1973:55).

Kenyataan yang dikeluarkan oleh British itu sudah memadai untuk menunjukkan bahawa British sudah lunak dan menyebelahi golongan Zionis Yahudi. Kenyataan pada tahun 1922 itu hanya sekadar lontaran untuk meredakan kemarahan masyarakat Arab Palestin sahaja. Walaubagaimanapun yang dijadikan alasan oleh pihak British, lihatlah kesannya setelah 31 tahun Deklarasi Balfour itu diumumkan, Israel sudah dapat menubuhkan sebuah negara disebalik kesengsaraan rakyat Palestin. Inilah yang digambarkan oleh Cattan dengan ungkapan walaupun Deklarasi Balfour itu dikatakan tidak mempunyai visi yang kuat untuk menubuhkan negara Israel, tetapi ia telah memberi kekuatan kepada Gerakan Zionis. Gerakan itu terus

melobi kuasa besar dunia demi satu tujuan iaitu untuk mewujudkan sebuah negara khusus kaum Yahudi walaupun ditentang hebat oleh masyarakat Arab Palestin dan umat Islam amnya. Lebih malang lagi bagi Arab Palestin, apabila pengiystiharan negara Israel dilakukan pada 15 May 1948 disokong oleh Perhimpunan Agung PBB yang secara rasmi mewujudkan sebuah negara “*to be called Medinath Yisrael (The State of Israel)*”.

## **PENUTUP**

Dalam menentukan hubungan orang Islam dengan Yahudi, kita memerlukan politik dengan kerangka Islam dan diterapkan hukum dengan tepat. Selain dari itu, apa yang dapat diperhatikan, Israel hanyalah sebuah bangsa yang lemah tetapi kuat berkonspirasi. Mereka memerlukan pergantungan daripada gerakan atau bangsa lain untuk berdiri. Sebenarnya tidak ada permusuhan di antara orang Islam dan Yahudi. Orang Islam hanya menentang gerakan Zionis yang zalim dan menakluki tanah orang Islam dan bukannya menentang orang Yahudi. Palestin dari sudut sejarah merupakan wilayah yang didiami oleh masyarakat Arab yang terdiri dari pelbagai latar agama seperti Yahudi, Kristian dan Islam. Seiring dengan perkembangan zaman, Palestin mengalami pasang surutnya di mana kuasa pemerintahan ke atasnya silih berganti. Hal ini membuktikan bahawa hampir seluruh daripada kuasa dunia terutama dari tiga agama samawi ingin menguasai ‘tanah yang diberkati’ ini disebabkan oleh matlamat dan kepentingan tertentu sama ada dari sudut spiritual, fizikal, ekonomi dan sebagainya. Namun, perubahan terhadap Palestin boleh dilihat dengan ketara pada abad ini setelah ia mula diduduki dan diperintah oleh zionis yang menukar nama bagi kawasan tersebut daripada Palestin kepada Israel. Sejarah kejatuhan Palestin ini perlu difahami bagi meningkatkan kesedaran umat terhadap hak yang dirampas.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman Umairah. 1978. *Al-Mazahib al-Muasirah Wa Mauqiful al-Islam Minha*. Riyadh : Dar al Liwa’.
- Abu Tolhah Iqomuddin. 2014. *Siapakah Israel, Yahudi dan Zionis, Program Perancangan Yahudi Rosakkan Umat Islam dan Tawan Dunia*. Selangor: Pustaka al-Ehsan.
- Adian Husaini. 2004. *Tinjauan Historis Konflik Yahudi-Kristen-Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ali Jarisyah. 1987. *al-Ittijahat al-Fikriyah al-Muasirah*. Mesir: Dar al-Sara’
- Ahmad Syalabi. 1976. *Muqaranah al-Adyan : al-Yahudiyyah*. Mesir: Maktab an-Nahdah.
- Armstong, Karen. 2000. "The Battle of God". Terjemahan: Satrio Wahono, dkk. Berperang Demi Tuhan, Fundamentalisme dalam Islam, Kristen dan Yahudi. Jakarta: Serambi.
- Cattan, Henry . 1973. *Palestine and International Law*. London: Longman.
- Fathi Yakan. 1986. *Dunia Islam Dan Tipu Daya Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar.
- Fuad Bin Sayyid.1995. *Yahudi Dalam Informasi Dan Organisasi*. Jakarta : Daar el-Majid.
- John Obert Voll. 1997. "Islam Continuity and Change in the Modern World". Terjemah: Ajat Sudrajat. *Politik Islam, Kelangsungan dan Perubahan Dunia Modern*. Yogyakarta: Titian Ilahi Press.
- Hamdan Muhammad. 1986. *Siapakah Taghut*. Terengganu :Pustaka Damai.
- Mendes-Flohr, Paul and Reinharz, Jehuda (1995). *The Jew in the Modern World: A Documentary History, New York: Oxford University Press*.
- Muhammad Safwah as-Saqa. 1980. *Al-Masuniah*. t.t : Rabitan ‘Alam Islami.
- Muhammad Mahmud as-Sawwaf .t.t. *al-Mukhattatat al-Isti’marayah Li Mukafahah al-Islam*. t.t : Dar al-Itisara.

- Mohd Nadzri Kamsin. 2011. *Travelog Misteri Israel Kuasai Dunia*. Selangor: Hijjaz Records Publishing.
- Mohd Roslan Mohd Noor & Nor Dalila Zakaria. 2009. *Perancangan Zionis ke Arah P e m b e n t u k a n Negara Israel*. *Jurnal Usuluddin*. 30: 227-250
- Garaudy.R. 1988. *Zionism Sebuah Gerakan Keagamaan dan Politik*. Terj. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ralph Scoenman. 2007. "*The Hidden Histroy of Zionism*". Terjemah: Joko. S. Kahhar. *Sejarah Zionisme yang Tersembunyi*. Jakarta: Sajadah Perss
- Sabir Ta'imah. 1979. *al-Masunah Zalika al-Alam al-Majbul*. Beirut : Dar al-Jalil.
- Syed Ahmad Semait. 1977. *Agama Yahudi*. Terj. Singapura: Pustaka Nasional.
- Shmuel, Almog. 1983. *Zionism and The Arabs*. Jerusalem: Zalman Shazar Center.
- Trias Kuncahyono. 2008. *Kesucian, Konflik, dan Pengadilan Akhir*. Jakarta: Kompas
- Maulani, Z.A. 2002. *Zionisme : Gerakan Menakluki Dunia*. Jakarta: Penerbit Daseta.
- Abdul Ghani Samsudin dan Mohd Roslan Mohd Nor (2008). 'Beberapa Langkah Awal untuk Pembebasan al-Aqsa,' kertas kerja yang dibentangkan di al-Aqsha International Conference pada 21 Ogos 2008, anjuran Center of Middle East Studies (COMES), di Auditorium Adhyana Wisma Antara Jakarta, Indonesia, h. 4 – 5.